

# KONVENSYEN

# SILAT MELAYU

di Universiti Sains 28 Jun — 2 Julai

SATU konvensyen Seni Silat Melayu seluruh Malaysia buat pertama kalinya akan diadakan dalam Kampus Universiti ~~Sains~~ ~~Malaysia~~, Pulau Pinang selama 5 hari mulai dari 28 Jun hingga 2 Julai, 1973.

Konvensyen anjuran Persatuan Bahasa Malaysia Varsiti Sains ini mendapat sokongan penuh Universiti Sains Malaysia. Anggaran perbelanjaan di jangka berjumlah \$23,000.

Tiga objektif pokok Konvensyen ini ialah:

● Sebagai langkah permulaan untuk diadakan dokumentasi kepada asas pengkajian yang lebih mendalam pada masa akan datang.

● Untuk menemukan pakar-pakar dan ahli-ahli Seni Silat Melayu utama yang terdapat di seluruh Malaysia di samping membuat tinjauan penting mengenai seni silat tersebut.

Oleh

**SHAHHNON AHMAD**

● Mencungklil bakat-bakat seni silat di samping menggalakkan orangeramai memberikan penghargaan yang tinggi terhadap Seni Silat Melayu.

Aturcara Konvensyen ini terbahagi kepada dua asas — teori dan praktikal.



Dalam kedua-dua bahagian ini termasuklah pe tunjukan dari kumpulan-kumpulan, perbincangan-perbincangan dalam bilik-bilik kuliah, temuramah-temuramah, perfileman, rakaman dan sebagainya, agar objektif utama untuk mengumpul bahan itu tercapai.

Setiap peserta akan dibilayal oleh Persatuan Bahasa Malaysia dan mereka akan ditempatkan dalam Kampus Varsiti untuk beramah-mesera sama sendiri dan juga mahasiswa-mahasiswa.

Seberapa banyak pertumbuhan Seni Silat Melayu akan dijumpi. Setakat ini surat-surat perkelilingan telahpun dikirim kepada beberapa pertubuhan, antara lain ialah Seni Silat Gayung, Cekak, Harimanu Lincak, Sendeng, Kontau, Teriak, Mhankkabau, Pulut, Sekepun, Lintau, Jawa dan banyak lagi.

Pakar-pakar yang bakal dijumpi untuk membentangkan kertesakerja pula termasuklah Enck-enck Hanah Haji Ahmad, Datuk Meor Abd. Rahman Daing Uda, Azhar Alias, Abu Johan Mohd. Johor, Kamal Arifin Mohd. Yassin dan Dr. Ho Boon Kiat.

Persatuan Bahasa Malaysia Varsiti Sains meminta kerjasama dari semua pihak bagi menjayakan Konvensyen ini.

Sejauh ini sambutan memang menggalakkan. Sudah ada beberapa pertubuhan seni silat yang terus menulis kepada Setiausaha Konvensyen ingin turut serta dalam Konvensyen itu.

Badan-badan lain yang sukar dihubungi harap dapat menulis kepada Setiausaha Konvensyen, beralamat Blok 95, Desasiswa, Universiti Sains Malaysia, Minden, Pulau Pinang.

Setiap keterangan dari pertumbuhan seni silat haruslah mengandungi nama dan alamat pertubuhan, jenis seni silat, nama guru seni silat itu dan sedikit sejarahnya, bila pertumbuhan dihubungkan, be'apa ramai ahli dan keterangan-keterangan lain yang dianggap penting. Minggu